



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2024



**Matematik
Kertas 2
1449/2**

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran : 1449/2
Bentuk Ujian : Subjektif
Markah : 100 Markah
Masa : 2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**

Bahagian A : Mengandungi 10 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 40 markah.
Bahagian B : Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 45 markah.
Bahagian C : Mengandungi 2 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Bahagian ini memperuntukkan 15 markah.

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami kehendak soalan yang dikemukakan dan berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Majoriti calon dapat menjawab sebahagian besar soalan.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan yang tepat. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah lengkap. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya untuk menyelesaikan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka cuba menjawab semua soalan yang diberi tetapi tidak mendapat markah penuh untuk sebahagian soalan kerana tidak memahami konsep dan melakukan kecueaan dalam pengiraan. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya untuk menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka lebih berupaya menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1 (a)(i)

(a) Nyatakan sama ada ayat berikut ialah pernyataan atau bukan pernyataan.

State whether each of the following sentences is a statement or not a statement.

(i) 4 ialah gandaan bagi 2

4 is a multiple of 2

Calon dikehendaki **menyatakan sama ada ayat yang diberi ialah pernyataan atau bukan pernyataan.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pernyataan

Calon dapat menyatakan bahawa ayat yang diberi ialah pernyataan dengan tepat.

Soalan 1 (a)(ii)

(a) Nyatakan sama ada ayat berikut ialah pernyataan atau bukan pernyataan.

State whether each of the following sentences is a statement or not a statement.

(ii) $y = 2x + 5$

Calon dikehendaki **menyatakan sama ada ayat yang diberi ialah pernyataan atau bukan pernyataan.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Bukan pernyataan

Calon dapat menyatakan bahawa ayat yang diberi bukan pernyataan dengan tepat.

Soalan 1 (b)(i)

(b) Rajah 1 menunjukkan satu implikasi.

Diagram 1 shows an implication.

Jika $2 + 2 = 2 \times 2$, maka $3 + 3 = 3 \times 3$

If $2 + 2 = 2 \times 2$, then $3 + 3 = 3 \times 3$

Rajah 1

Diagram 1

(i) Tulis songsangan bagi implikasi tersebut.

Write down the inverse of the implication.

Calon dikehendaki **menulis songsangan** bagi implikasi yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Jika $2 + 2 \neq 2 \times 2$, maka $3 + 3 \neq 3 \times 3$

Calon dapat menulis songsangan bagi implikasi yang diberi dengan tepat.

Soalan 1 (b)(ii)

(ii) Seterusnya, tentukan nilai kebenaran songsangan itu.

Hence, determine the truth value of the inverse.

Calon dikehendaki **menentukan nilai kebenaran songsangan** dalam Soalan 1(b)(i).

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Benar

Calon dapat menentukan nilai kebenaran songsangan dengan tepat.

Soalan 2

Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi fungsi $y = -x^2 + 4$ untuk $-3 \leq x \leq 2$.

Table 1 shows the values of function $y = -x^2 + 4$ for $-3 \leq x \leq 2$.

x	-3	-2.1	-1	0	1	2
y	-5	-0.4	3	4	3	0

Jadual 1


Table 1

Pada ruang jawapan, lukis graf $y = -x^2 + 4$ untuk $-3 \leq x \leq 2$. Anda boleh menggunakan pembaris fleksibel.

In the answer space, draw the graph of $y = -x^2 + 4$ for $-3 \leq x \leq 2$. You may use a flexible curve rule.


Calon dikehendaki **melukis graf** bagi persamaan $y = -x^2 + 4$ untuk $-3 \leq x \leq 2$ berdasarkan Jadual 1 yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat memplot enam titik dengan tepat dan seterusnya melukis graf lengkung yang licin dan berterusan bagi $y = -x^2 + 4$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana




Calon dapat memplot semua titik tetapi tidak dapat melukis graf lengkung dengan licin.

Soalan 3(a)

Rajah 2 menunjukkan sebuah piramid dengan tapak segi empat sama $PQRT$.

Diagram 2 shows a pyramid with a square base, $PQRT$.



Rajah 2
Diagram 2

Diberi bahawa S ialah titik tengah RT dan V terletak 3.5 m tegak di atas titik W .

It is given that S is the midpoint of RT and V is 3.5 m vertically above point W .

(a) Namakan sudut dongak V dari S .

Name the angle of elevation of V from S .

Calon dikehendaki **menamakan sudut dongak** V dari S .

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$\angle WSV$

Calon dapat menamakan sudut dongak V dari S dengan tepat.

Soalan 3(b)

(b) Seterusnya, hitung nilai sudut dongak itu.

Hence, calculate the value of the angle of elevation.

Calon dikehendaki **menghitung nilai sudut dongak** V dari S .

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\tan \theta = \frac{3.5}{2}$$


$$\theta = \tan^{-1}\left(\frac{3.5}{2}\right)$$

$$\theta = 60.2551^\circ$$

Calon dapat menghitung nilai sudut dongak V dari S menggunakan nisbah trigonometri dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$SW = 2\text{ m}$$



$$\tan \angle VSW = \frac{3.5}{2}$$

$$\angle VSW = \tan^{-1}\left(\frac{3.5}{2}\right)$$

$$\angle VSW = 37.03^\circ$$

Calon dapat menggunakan nisbah trigonometri dengan tepat tetapi tidak memberikan jawapan akhir yang betul.

Soalan 4 (a)

Rajah 3 menunjukkan maklumat bagi polisi insurans perubatan Suzie.

Diagram 3 shows information of Suzie's medical insurance policy.

Peruntukan deduktibel <i>Deductible provision</i>	: RM3 000
Peratusan ko-insurans <i>Co-insurance percentage</i>	: 75/25

Rajah 3
Diagram 3

Diberi kos pembedahan Suzie berjumlah RM38 000, cari

Given the cost of Suzie's surgery was RM38 000, find

- (a) kos pembedahan selepas deduktibel,
the surgery cost after the deductible,

Calon diminta **mencari kos pembedahan selepas deduktibel.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$38\,000 - 3\,000 = \text{RM } 35\,000$$

Calon dapat mencari kos pembedahan selepas deduktibel dengan tepat.

Soalan 4 (b)

(b) kos perubatan yang ditanggung oleh Suzie.

the medical cost borne by Suzie.

Calon diminta **mencari kos perubatan yang ditanggung oleh Suzie.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\left(\frac{25}{100} \times 35\,000 \right) + 3000 = 11750$$

Calon dapat mencari kos perubatan yang ditanggung oleh Suzie dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{array}{r} 25 \\ \hline 100 \end{array} \times 35000 + 3000$$


9500

Calon dapat menunjukkan langkah pengiraan yang betul tetapi melakukan kesilapan semasa menghitung jawapan akhir.

Soalan 5 (a)

Rajah 4 menunjukkan sebuah kuboid dengan isi padu $120\,000\text{ cm}^3$.

Diagram 4 shows a cuboid with a volume of $120\,000\text{ cm}^3$.



Rajah 4
Diagram 4

Panjang kuboid itu ialah 10 cm lebih dari lebarnya, w cm.

The length of the cuboid is 10 cm more than its width, w cm.

(a) Tunjukkan bahawa $w^2 + 10w - 2000 = 0$.

Show that $w^2 + 10w - 2000 = 0$.

Calon diminta **menunjukkan bahawa isi padu kuboid adalah $w^2 + 10w - 2000 = 0$.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$(60)(w+10)(w) = 120\,000$$

$$(60)(w^2 + 10w) = 120\,000$$

$$60w^2 + 600w - 120\,000 = 0$$

$$w^2 + 10w - 2000 = 0$$

Calon dapat menunjukkan bahawa isi padu kuboid adalah $w^2 + 10w - 2000 = 0$ dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$60(w+10)(w) = 120\,000$$

$$60w^2 + 600 = 120\,000$$

$$60w^2 - 119\,400 = 0$$

Calon dapat membentuk persamaan bagi isipadu kuboid tetapi tidak dapat menulis persamaan tersebut dalam bentuk am.

Soalan 5 (b)

(b) Seterusnya, cari lebar kuboid itu.

Hence, find the width of the cuboid.

Calon diminta **mencari lebar** kuboid.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$w^2 + 10w - 2000 = 0$$

$$(w - 40)(w + 50) = 0$$

$$w = 40, w = -50$$

↑
abaikan

lebar kuboid, w

$$= 40 \text{ cm.}$$

Calon dapat mencari lebar kuboid dengan menggunakan kaedah pemfaktoran yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$W^2 + 10W - 2000 = 0$$

$$(W - 40)(W + 50) = 0$$


$$W = 40 \text{ atau } W = -50$$

Calon dapat membuat pemfaktoran yang betul tetapi tidak menyatakan lebar kuboid yang dikehendaki.

Soalan 6 (a) (i)

Rajah 5 ialah graf tidak terarah dan berpemberat yang menunjukkan tambang bas antara empat tempat.

Diagram 5 is an undirected and weighted graph that shows the bus fares between four places.



Rajah 5
Diagram 5

- (a) Berdasarkan Rajah 5,
Based on Diagram 5,
(i) senaraikan set bucu,
list the set of vertices,

Calon dikehendaki **menyenaraikan set bucu** bagi graf yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$\{\text{Melaka, Shah Alam, Kuala Lumpur, Ipoh}\}$

Calon dapat menyenaraikan set bucu bagi graf dengan tepat.

Soalan 6 (a) (ii)

(ii) tentukan bilangan darjah.

determine the sum of degrees.

Calon dikehendaki **menentukan bilangan darjah** bagi graf yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\text{Tepi} \times 2 = \text{Darjah}$$

$$6 \times 2 = 12$$

Calon dapat menentukan bilangan darjah bagi graf dengan tepat.

Soalan 6 (b)

- (b) Lily ingin menaiki bas dari Melaka ke Ipoh. Tiket bas dari Melaka terus ke Ipoh telah habis dijual.

Tentukan laluan alternatif paling murah yang boleh dipilih Lily dan hitung jumlah tambang bagi laluan ini.

Lily wants to travel from Melaka to Ipoh. The bus ticket from Melaka directly to Ipoh has been sold out.

Determine the cheapest alternative route that Lily can choose and calculate the total fare for this route.

Calon dikehendaki **menentukan laluan alternatif paling murah** yang boleh dipilih Lily dan **menghitung jumlah tambang** bagi laluan tersebut.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Melaka $\rightarrow$ Kuala Lumpur $\rightarrow$ Ipoh

$$= 14.40 + 25.50$$

$$= 39.90$$

Calon dapat menentukan laluan alternatif paling murah yang boleh dipilih Lily dan dapat menghitung jumlah tambang bagi laluan tersebut dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\text{RM } 14.40 + \text{RM } 25.50 = \text{RM } 39.9$$

laluan Melaka ke Kuala Lumpur ke Ipoh

Melaka $\rightarrow$ Kuala Lumpur $\rightarrow$ Ipoh

Calon dapat menentukan laluan alternatif paling murah yang boleh dipilih Lily dan dapat menghitung jumlah tambang bagi laluan tersebut tetapi melakukan kesilapan semasa menulis jawapan akhir.

Soalan 7 (a)

Razi mempunyai gaji bersih bulanan sebanyak RM3 800. Jadual 2 menunjukkan perbelanjaannya pada bulan Mei.

Razi has a monthly net salary of RM3 800. Table 2 shows his expenses in May.

Perbelanjaan <i>Expenses</i>	Amaun (RM) <i>Amount (RM)</i>
Sewa rumah <i>House rent</i>	480
Premium insurans <i>Insurance premiums</i>	250
Perbelanjaan dapur <i>Groceries</i>	750
Bil utiliti <i>Utility bills</i>	350
Petrol <i>Petrol</i>	420
Pemberian kepada ibu bapa <i>Allowances for parents</i>	400
Hiburan <i>Entertainment</i>	200

Jadual 2
Table 2

(a) Berdasarkan Jadual 2, nyatakan satu perbelanjaan tetap Razi.

Based on Table 2, state one of Razi's fixed expenses.

Calon dikehendaki **menyatakan satu perbelanjaan tetap** bagi Razi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

premium insurans

Calon dapat menyatakan satu perbelanjaan tetap bagi Razi dengan tepat.

Soalan 7 (b)

- (b) Razi merancang untuk menyimpan 80% daripada lebihan aliran tunai sebagai wang pendahuluan kereta.

Hitung jumlah yang akan disimpannya pada bulan Mei.

Razi plans to save 80% of his excess cash flow for a car down payment.

Calculate the amount he would save in May.

Calon diminta **menghitung jumlah simpanan** wang pendahuluan kereta.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} & 3800 - 480 - 250 - 750 - 350 - 420 - 400 - 200 \\ & = \text{RM } 950 \times 80\% \\ & = \text{RM } 760 \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung jumlah simpanan wang pendahuluan kereta dengan menunjukkan langkah pengiraan yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} & \text{RM } 3800 - \text{RM } 480 - \text{RM } 250 - \text{RM } 750 - \text{RM } 350 \\ & - \text{RM } 420 - \text{RM } 400 - \text{RM } 200 \\ & = \text{RM } 950 \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung aliran tunai sahaja.

Soalan 8 (a)

Jadual 3 pada ruang jawapan menunjukkan dapatan kajian berkaitan tempoh masa yang diluankan di perpustakaan oleh sekumpulan murid.

Table 3 in the answer space shows the findings of a survey about the duration of time spent in the library by a group of students.

(a) Lengkapkan lajur titik tengah dalam Jadual 3 pada ruang jawapan.

Complete the midpoint column in Table 3 in the answer space.

Calon diminta **melengkapkan lajur titik tengah** dalam Jadual 3 yang disediakan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Masa (minit) <i>Time (minute)</i>	Titik tengah <i>Midpoint</i>	Kekerapan yang direkod <i>Recorded frequency</i>	Kekerapan sebenar <i>Actual frequency</i>
11 – 15	13	2	2
16 – 20	18	6	7
21 – 25	23	12	12
26 – 30	28	15	15
31 – 35	33	17	18
36 – 40	38	6	6

Calon dapat melengkapkan lajur titik tengah dalam Jadual 3 dengan tepat.

Soalan 8 (b)(i)

- (b) Selepas semakan data itu, didapati bahawa data dua orang murid yang masing-masing meluangkan masa selama 19 minit dan 35 minit tidak direkodkan.

After checking the data, it is found that the data of two students who spent 19 minutes and 35 minutes respectively was not recorded.

- (i) Gunakan data ini untuk melengkapi lajur kekerapan sebenar dalam Jadual 3 pada ruang jawapan.

Use this data to complete the actual frequency column in Table 3 in the answer space.

Anda mesti menggunakan pensel 2B atau BB untuk soalan ini.

You must use 2B or BB pencil for this question.

Calon diminta **melengkapkan lajur kekerapan sebenar** dalam Jadual 3.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Masa (minit) <i>Time (minute)</i>	Titik tengah <i>Midpoint</i>	Kekerapan yang direkod <i>Recorded frequency</i>	Kekerapan sebenar <i>Actual frequency</i>
11 – 15	13	2	2
16 – 20	18	6	7
21 – 25	23	12	12
26 – 30	28	15	15
31 – 35	33	17	18
36 – 40	38	6	6

Calon dapat melengkapi lajur kekerapan sebenar dalam Jadual 3 dengan tepat.


Soalan 8 (b)(ii)

- (ii) Menggunakan skala 2 cm kepada 5 minit pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada 2 orang murid pada paksi mencancang, lukis satu poligon kekerapan bagi 60 orang murid itu.

Using a scale of 2 cm to 5 minutes on the horizontal axis and 2 cm to 2 students on the vertical axis, draw a frequency polygon for the 60 students.


Calon diminta **melukis satu poligon kekerapan** berdasarkan data murid yang diberi dalam Jadual 3.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat melukis poligon kekerapan yang tepat dengan menggunakan kekerapan dan titik tengah yang betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana




Calon hanya dapat memplot 6 daripada 8 titik yang betul dan seterusnya tidak dapat melukis poligon kekerapan yang tepat.

Soalan 9 (a)

Rajah 6 menunjukkan graf $OABCD$ dan graf $OPQRS$. Graf $OABCD$ mewakili gerakan zarah X dan graf $OPQRS$ mewakili gerakan zarah Y .

Diagram 6 shows graph $OABCD$ and graph $OPQRS$. Graph $OABCD$ represents the motion of particle X and graph $OPQRS$ represents the motion of particle Y .



Rajah 6
Diagram 6

(a) Nyatakan laju seragam, dalam m s^{-1} , bagi zarah X .

State the uniform speed, in m s^{-1} , of particle X .

Calon dikehendaki **menyatakan laju seragam** bagi zarah X .

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

25 m s^{-1}

Calon dapat menyatakan laju seragam bagi zarah X dengan tepat.

Soalan 9 (b)(i)

- (b) (i) cari kadar perubahan laju, dalam m s^{-2} , bagi zarah Y untuk tempoh 5 saat yang pertama.

find the rate of change of speed, in m s^{-2} , of particle Y for the first 5 seconds.

Calon diminta **mencari kadar perubahan laju** bagi zarah Y untuk tempoh 5 saat yang pertama.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1} &= \frac{0 - 50}{0 - 5} \\ &= 10 \text{ ms}^{-2}\end{aligned}$$

Calon dapat mencari kadar perubahan laju bagi zarah Y untuk tempoh 5 saat yang pertama dengan tepat.

Soalan 9 (b)(ii)

- (ii) hitung beza jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah X dan zarah Y selepas saat ke-6 hingga zarah-zarah itu berhenti.

calculate the difference between the distance, in m, travelled by particle X and particle Y after the 6th second until they stop.

Calon diminta **menghitung beza jarak, dalam m**, yang dilalui oleh zarah X dan Zarah Y selepas saat ke-6 hingga zarah-zarah itu berhenti.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\text{Jarak zarah X} &= \frac{1}{2} (25 \times 5) \\ &= 62.5 \text{ m}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jarak zarah Y} &= \frac{1}{2} (3 + 6) \times 30 \\ &= 135 \text{ m}\end{aligned}$$

$$135 - 62.5 = 72.5 \text{ m}$$

Calon dapat menghitung beza jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah X dan Zarah Y selepas saat ke-6 hingga zarah-zarah itu berhenti dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}\text{Jarak x} &= \frac{1}{2} (5)(25) \\ &= 62.5 \text{ m}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jarak y} &= (9 \times 30) + \left(\frac{1}{2} \times 3 \times 30\right) \\ &= 270 + 45 \\ &= 315 \text{ m}\end{aligned}$$


$$\begin{aligned}\text{beza jarak} &= 315 - 62.5 \\ &= 252.5 \text{ m}\end{aligned}$$

Calon dapat menghitung jarak zarah X dengan betul tetapi melakukan kesilapan menghitung jarak zarah Y.

Soalan 10 (a)

Azlan menaiki sebuah roda Ferris. Rajah 7 menunjukkan sebuah graf fungsi trigonometri yang mewakili ketinggian tempat duduknya di atas roda Ferris.

Azlan rode a Ferris wheel. Diagram 7 shows the graph of a trigonometric function representing the height of his seat on the Ferris wheel.



- (a) Diberi bahawa y mewakili ketinggian, dalam m, tempat duduk itu selepas x saat. Situasi ini dapat dimodelkan oleh fungsi, $y = -a \cos bx + 10$.

Nyatakan nilai a dan nilai b .

It is given that y represents the height, in m, of the seat after x seconds. This situation can be modelled by the function, $y = -a \cos bx + 10$.

State the value of a and the value of b .

Calon diminta **menyatakan nilai a dan nilai b** berdasarkan fungsi, $y = -a \cos bx + 10$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Nilai a / value of a = 8

Nilai b / value of b = 6

Calon dapat menyatakan kedua-dua nilai a dan nilai b dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Nilai a / value of a = 8

Nilai b / value of b = 2

Calon hanya dapat menyatakan satu nilai yang betul daripada dua nilai yang sepatutnya.

Soalan 10 (b)

(b) Seterusnya, tentukan ketinggian, dalam m, tempat duduk Azlan pada saat ke-73.

Hence, determine the height, in m, of Azlan's seat at the 73rd second.

Calon diminta **menentukan ketinggian, dalam m**, tempat duduk Azlan pada saat ke-73.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pada saat ke-73, $x = 73$,

$$y = -8 \cos 6(73) + 10$$

$$y = 8.337 \text{ m}$$

Calon dapat menentukan ketinggian, dalam m, tempat duduk Azlan pada saat ke-73 dengan menunjukkan langkah pengiraan yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$y = -8 \cos 6x + 10$$

$$y = -8 \cos 6(73) + 10$$

$$y = 11.6633 \text{ m}$$

Calon dapat menggunakan nilai a dan nilai b yang betul dalam langkah pengiraan tetapi melakukan kesilapan semasa menghitung jawapan akhir.

2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Membawa semua kelengkapan keperluan seperti alat geometri, kalkulator saintifik dan pembaris panjang semasa menduduki peperiksaan serta mahir menggunakannya.
- b) Menggunakan kaedah yang betul seperti yang dikehendaki oleh soalan.
- c) Menunjukkan langkah penyelesaian dengan kemas di ruang jawapan yang disediakan.
- d) Melakukan pembundaran hanya pada jawapan akhir, tepat kepada dua tempat perpuluhan atau empat angka bererti dan memberi semua jawapan akhir dalam sebutan teringkas.
- e) Merujuk senarai rumus Matematik yang disediakan.
- f) Menulis jawapan dan langkah-langkah penyelesaian dengan kemas dan teratur mengikut kehendak soalan.
- g) Membuat ulang kaji semua topik daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- h) Memperuntukkan masa yang secukupnya untuk menyemak semula semua langkah penyelesaian dan jawapan.
- i) Menulis jawapan yang melibatkan wang dalam bentuk ringgit dan sen yang betul dalam 2 tempat perpuluhan.
- j) Memplot titik koordinat pada satah Cartes dengan tepat.

2.3.2 Guru

- a) Mengajar semua topik yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- b) Membimbing murid untuk menjawab soalan dengan menggunakan maklumat diberi dalam soalan, memahami tugas dan menyelesaikan soalan menggunakan langkah yang sistematik, kemas dan memberikan jawapan dengan lengkap.
- c) Memberi penekanan terhadap konsep, prinsip dan teorem untuk meningkatkan kefahaman murid.
- d) Memberi pendedahan panduan menjawab soalan mengikut format peperiksaan SPM.
- e) Melatih murid menggunakan kalkulator dengan betul. Menasihati murid bahawa penggunaan kalkulator hanya untuk membantu pengiraan mendapatkan jawapan dan bukan untuk meringkaskan jalan kerja.
- f) Memastikan murid menggunakan nombor perpuluhan sehingga empat angka bererti dalam langkah kerja dan membundarkan jawapan akhir kepada dua tempat perpuluhan. Bagi soalan yang melibatkan sudut dalam darjah, dua tempat perpuluhan harus digunakan dalam langkah kerja dan satu tempat perpuluhan untuk jawapan akhir.
- g) Memberikan perhatian kepada jalan kerja murid dan betulkan kesilapan mereka.
- h) Membimbing murid dengan kemahiran menyelesaikan masalah bagi membiasakan murid menjawab soalan KBAT.
- i) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami kehendak soalan yang dikemukakan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dalam bahagian ini.

2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah sempurna. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian mengikut kehendak soalan dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya untuk menyelesaikan soalan KBAT.

Kumpulan Prestasi Sederhana


Calon kurang memahami kehendak soalan. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka lebih berupaya menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 11 (a)

- (a) Rajah 8.1 menunjukkan dua buah sisi empat, $PQRS$ dan $TUVW$.

Diagram 8.1 shows two quadrilaterals, $PQRS$ and $TUVW$.



Rajah 8.1
Diagram 8.1

Sisi empat $TUVW$ ialah imej bagi sisi empat $PQRS$ di bawah satu putaran.

Nyatakan sisi yang sepadan bagi QR dan sudut sepadan bagi $\angle TWV$.

Quadrilateral $TUVW$ is the image of quadrilateral $PQRS$ under a rotation.

State the corresponding side of QR and the corresponding angle of $\angle TWV$.

Calon dikehendaki **menyatakan sisi yang sepadan bagi QR dan sudut sepadan bagi $\angle TWV$.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Sisi sepadan / *corresponding side* :VU.....

Sudut sepadan / *corresponding angle* : $\angle$ PSR.....

Calon dapat menyatakan sisi yang sepadan bagi QR dan sudut sepadan bagi $\angle TWV$ dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a) Sisi sepadan / *corresponding side* :TV.....

Sudut sepadan / *corresponding angle* : $\angle$ RSP.....

Calon hanya dapat menyatakan satu jawapan yang betul.

Soalan 11 (b)(i)

- (b) Rajah 8.2 pada ruang jawapan menunjukkan dua buah pentagon. Pentagon $XWVUT$ merupakan imej bagi pentagon $PQRST$ di bawah gabungan transformasi **HG**.


*Diagram 8.2 in the answer space shows two pentagons. Pentagon $XWVUT$ is the image of pentagon $PQRST$ under the combined transformation **HG**.*

- (i) Diberi bahawa transformasi **G** ialah pantulan pada garis PT . Lukis imej bagi pentagon $PQRST$ di bawah transformasi **G**.

*It is given that transformation **G** is a reflection in the line PT . Draw the image of pentagon $PQRST$ under the transformation **G**.*

Calon dikehendaki **melukis imej bagi pentagon $PQRST$ di bawah transformasi G** pada ruang jawapan yang disediakan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat melukis imej bagi pentagon $PQRST$ di bawah transformasi G pada ruang jawapan yang disediakan dengan tepat.

Soalan 11 (b)(ii)

(ii) Seterusnya, perihalkan selengkapnya transformasi **H**.

*Hence, describe fully the transformation **H**.*

Calon dikehendaki **memerihalkan selengkapnya transformasi *H***.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$k = \frac{I}{O}$$

$$k = \frac{3}{1}$$

$$k = 3$$

H ialah pembesaran pada faktor skala $k = 3$ pada pusat titik T

Calon dapat memerihalkan transformasi *H* dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

pembesaran skala 3 pada pusat T

Calon dapat memerihalkan transformasi *H* tetapi tidak lengkap.

Soalan 11 (b) (iii)(a)

(iii) (a) Nyatakan nisbah luas pentagon $PQRST$ kepada luas pentagon $XWVUT$.

State the ratio of the area of pentagon $PQRST$ to the area of pentagon $XWVUT$.

Calon diminta untuk **menyatakan nisbah** luas pentagon $PQRST$ kepada luas pentagon $XWVUT$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$A_{XWVUT} = 3^2 \times A_{PQRST}$$

$$\frac{A_{PQRST}}{A_{XWVUT}} = \frac{1}{9}$$

$$\therefore A_{PQRST} : A_{XWVUT} = 1 : 9$$

Calon dapat menyatakan nisbah luas pentagon $PQRST$ kepada luas pentagon $XWVUT$ dengan tepat.

Soalan 11 (b) (iii)(b)

- (b) Jumlah luas pentagon $PQRST$ dan pentagon $XWVUT$ ialah 240 cm^2 .
Hitung luas pentagon $PQRST$.

The total area of pentagon $PQRST$ and pentagon $XWVUT$ is 240 cm^2 .

Calculate the area of pentagon $PQRST$.

Calon dikehendaki untuk **menghitung luas pentagon $PQRST$** berdasarkan jumlah luas pentagon $PQRST$ dan pentagon $XWVUT$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$A_{XWVUT} = 9 \times A_{PQRST}$$

$$A_{PQRST} + 9 A_{PQRST} = 240 \text{ cm}^2$$

$$10 A_{PQRST} = 240 \text{ cm}^2$$

$$\therefore A_{PQRST} = 24 \text{ cm}^2$$

Calon dapat menghitung luas pentagon $PQRST$ dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$240 - x = 3^2 \times x$$

$$240 = 8x$$

$$30 = x$$

Calon membuat kesilapan dalam pengiraan jawapan.

Soalan 12(a)(i)

Rajah 9 menunjukkan markah yang diperoleh 15 orang murid dalam satu ujian Matematik.

Diagram 9 shows the marks obtained by 15 students in a Mathematics test.

36	40	45	48	50	63	63	67
72	74	75	75	76	80	82	


Rajah 9
Diagram 9

(a) (i) Pada graf di ruang jawapan, lukis satu plot kotak bagi markah-markah ini.

On the graph in the answer space, draw a box plot for these marks.


Calon dikehendaki untuk **melukis satu plot kotak** bagi markah-markah yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat melukis satu plot kotak dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon dapat melukis satu plot kotak tetapi melukis satu garis tambahan yang tidak berkenaan.

Soalan 12(a)(ii)

Rajah 9 menunjukkan markah yang diperoleh 15 orang murid dalam satu ujian Matematik.

Diagram 9 shows the marks obtained by 15 students in a Mathematics test.

36	40	45	48	50	63	63	67
72	74	75	75	76	80	82	

Rajah 9
Diagram 9

(ii) Hitung min markah.

Calculate the mean mark.

Calon dikehendaki untuk **menghitung min** bagi markah-markah yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\bar{x} &= \frac{36 + 40 + 45 + 48 + 50 + 63 + 63 + 67 + 72 + 74 + 75 + 75 + 76 + 80 + 82}{15} \\ \bar{x} &= \frac{946}{15} \\ \bar{x} &= 63.07\end{aligned}$$

Calon dapat menghitung min dengan menunjukkan langkah kerja yang lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}\bar{x} &= \frac{36 + 40 + 45 + 48 + 50 + 63 + 63 + 67 + 72 + 74 + 75 + 75 + 76 + 80 + 82}{15} \\ \bar{x} &= \frac{946}{15} \\ \bar{x} &= 63.06\end{aligned}$$

Calon dapat menulis langkah kerja yang lengkap tetapi membuat kesilapan dalam membundarkan jawapan akhir.

Soalan 12(a)(iii)

(iii) Nyatakan bentuk taburan data tersebut.

State the distribution shape of the data.

Calon dikehendaki untuk **menyatakan bentuk taburan data** bagi markah-markah yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

left - skewed

Calon dapat menyatakan bentuk taburan data dengan tepat.

Soalan 12(b)

- (b) Markah-markah tersebut diselaras dengan menolak 2 markah daripada markah asal setiap murid.

Seorang murid menyatakan bahawa mod-mod baharu dan julat baharu adalah sama seperti data sebelum ini.

Adakah pernyataannya betul? Justifikasikan jawapan anda.

The marks are adjusted by subtracting 2 marks from the current mark of each student.

A student says that the new modes and the new range will be the same as the previous data.

Is his statement correct? Justify your answer.

Calon dikehendaki untuk **menyatakan sama ada pernyataan yang diberikan dalam soalan betul atau tidak dan memberi justifikasi.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\text{New mode} &= 63 - 2 \\ &= 61\end{aligned}$$

$$\text{Original mode} = 63.75$$

$$\begin{aligned}\text{New mode} &= 75 - 2 \\ &= 73\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{New range} &= (82 - 2) - (36 - 2) \\ &= 46\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Original range} &= 82 - 36 \\ &= 46\end{aligned}$$

$\therefore$ His statement is wrong, new modes is subtracted by 2, only the range will be the same.

Calon dapat menyatakan bahawa pernyataan yang diberikan dalam soalan adalah salah dengan memberikan justifikasi yang betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

mod-mod lama : 63 , 75

$$\text{Julat lama} = 82 - 36$$

mod-mod baharu : 63-2 , 75-2

$$= 46$$

: 61 , 73

Julat baharu,

$$= (82-2) - (36-2)$$

$$= 46$$

Mod berubah (tolak 2) manakala julat kekal sama

Calon tidak menyatakan bahawa pernyataan yang diberikan dalam soalan adalah salah walaupun telah memberikan justifikasi yang betul.


Soalan 13 (a)(i) (a)

- (a) Rajah 10.1 ialah gambarajah Venn yang menunjukkan aktiviti kegemaran tiga orang murid. Diberi bahawa

set semesta, $\xi = A \cup B \cup C$,
set $A = \{\text{aktiviti kegemaran Azmil}\}$,
set $B = \{\text{aktiviti kegemaran Beng}\}$,
set $C = \{\text{aktiviti kegemaran Canny}\}$.

Diagram 10.1 is a Venn diagram that shows the favourite activities of three students. It is given that

universal set, $\xi = A \cup B \cup C$,
set $A = \{\text{Azmil's favourite activities}\}$,
set $B = \{\text{Beng's favourite activity}\}$,
set $C = \{\text{Canny's favourite activities}\}$.



Rajah 10.1
Diagram 10.1

- (i) Menggunakan tatatanda set, senaraikan
Using the set notation, list the activities that are
(a) aktiviti kegemaran Azmil sahaja,
Azmil's favourite activities only,

Calon dikehendaki **menyenaraikan aktiviti kegemaran Azmil sahaja** menggunakan tatatanda set berdasarkan gambarajah Venn yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$\{\text{memancing, memasak}\}$

Calon dapat menyenaraikan aktiviti kegemaran Azmin sahaja dengan tepat.

Soalan 13 (a)(i) (b)

(b) aktiviti kegemaran Canny tetapi **bukan** aktiviti kegemaran Beng.

*Canny's favourite activities but **not** Beng's favourite activity.*

Calon dikehendaki **menyenaraikan aktiviti kegemaran Canny tetapi bukan aktiviti kegemaran Beng.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

{berbasikal, berenang}

Calon dapat menyenaraikan aktiviti kegemaran Canny tetapi bukan aktiviti kegemaran Beng dengan tepat.


Soalan 13 (a)(ii)

(ii) Pada rajah di ruang jawapan, lorek set $C \cap B'$.

On the diagram in the answer space, shade the set $C \cap B'$.

Calon dikehendaki **melorek set $C \cap B'$** pada gambar rajah Venn yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat melorek set $C \cap B'$ pada gambar rajah Venn yang diberikan dengan tepat.


Soalan 13 (b)(i)

- (b) Gambar rajah Venn seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10.2 mewakili bilangan murid yang mengambil bahagian dalam aktiviti di sebuah kem. Dalam gambar rajah Venn itu,

set semesta, $\xi = \{\text{semua murid di kem}\}$,
set $F = \{\text{murid yang menyertai aktiviti memancing}\}$,
set $C = \{\text{murid yang menyertai aktiviti memasak}\}$,
set $H = \{\text{murid yang menyertai aktiviti mendaki}\}$.

The Venn diagram as shown in Diagram 10.2 represents the number of students taking part in activities at a camp. In the Venn diagram,

*universal set, $\xi = \{\text{all students at the camp}\}$,
set $F = \{\text{students taking part in fishing}\}$,
set $C = \{\text{students taking part in cooking}\}$,
set $H = \{\text{students taking part in hiking}\}$.*



Rajah 10.2
Diagram 10.2

- (i) Jumlah bilangan murid di kem itu ialah 24 orang. Terdapat 10 orang murid yang menyertai sekurang-kurangnya dua aktiviti.

Hitung nilai x dan nilai y .

The total number of students at the camp is 24. There are 10 students who take part in at least two activities.

Calon dikehendaki **menghitung nilai x dan nilai y** berdasarkan gambar rajah Venn yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$7 + y + 5 + 1 + 2x = 20$$

$$5 + 1 + 2x = 10$$

$$2x + y = 20 - 13$$

$$2x + y = 7 \quad \text{--- ①}$$

$$2x = 4 \quad \text{--- ②}$$

$$x = 2$$

$$2(2) + y = 7$$

$$y = 7 - 4$$

$$y = 3$$

Calon dapat menghitung nilai x dan nilai y dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$5 + 1 + 2x = 10$$

$$2x = 10 - 5 - 1$$

$$2x = 4$$

$$x = 2$$

$$y + 5 + 1 + 2x + 7 = 24$$

$$y + 5 + 1 + 2(2) + 7 = 24$$

$$y + 17 = 24$$

$$y = 24 - 17$$

$$y = 7$$

$$x + y = 2 + 7$$

$$x + y = 9$$

Calon hanya dapat menghitung nilai x .

Soalan 13 (b)(ii)

- (ii) Wakilkan kawasan berlorek dalam Rajah 10.2 dengan menggunakan simbol ' $\cup$ ' dan/atau simbol ' $\cap$ '.

Represent the shaded region in Diagram 10.2 by using symbols ' $\cup$ ' and/or ' $\cap$ '.

Calon dikehendaki **mewakulkan kawasan berlorek** dengan menggunakan simbol ' $\cup$ ' dan/atau simbol ' $\cap$ '.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$F \cap (C \cup H)$$

Calon dapat mewakulkan kawasan berlorek dengan menggunakan simbol yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$F \cup (C \cup H)$$

Calon hanya dapat menulis sebahagian jawapan yang betul.

Soalan 14 (a)

Sebuah kilang menghasilkan beg tangan premium dan beg tangan eksklusif. Sasaran pengeluaran mingguan adalah seperti berikut:

A factory produces premium handbags and exclusive handbags. The weekly production targets are as follows :

- Bilangan maksimum beg tangan premium yang dihasilkan ialah 42 buah.
The maximum number of premium handbags produced is 42.
- Bilangan beg tangan eksklusif yang dihasilkan ialah selebih-lebihnya dua kali bilangan beg tangan premium.
The number of exclusive handbags produced is at most two times the number of premium handbags produced.

- (a) Menggunakan x untuk mewakili bilangan beg tangan premium dan y untuk mewakili bilangan beg tangan eksklusif, tulis dua ketaksamaan linear selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, bagi mewakili situasi tersebut.

Using x to represent the number of premium handbags and y to represent the number of exclusive handbags, write two linear inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, to represent the situation.

Calon diminta untuk **menulis dua ketaksamaan linear** selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ bagi mewakili situasi yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$x \leq 42$$

$$y \leq 2x$$

Calon dapat **menulis dua ketaksamaan linear** selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ bagi mewakili situasi yang diberikan dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$x + y \leq 42$$

$$y \leq 2x$$

Calon hanya dapat menulis satu ketaksamaan yang betul.

Soalan 14 (b) (i)

- (b) (i) Sasaran pengeluaran mingguan yang ketiga ditunjukkan oleh rantau berlorek pada graf di halaman **30**.

Tulis dalam perkataan bagi ketaksamaan yang mewakili sasaran itu.

*The third weekly production target is shown by the shaded region on the graph in the answer space on page **30**.*

Write in words the inequality that represent the target.

